

CNS3817

R GB 29-12 00187 BH765

bah

KENAIKANGAJI MENTERI DAN PEGAWAI TINGGI XERAJAAN BERPATUTAN

Mahathir - Gaji

KUALA LUMPUR, 29 Dis (Bernama) -- Kenaikan gaji menteri-menteri dan pegawai tinggi kerajaan adalah perpatutan dengan peranan dan tanggungjawab mereka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Perdana Menteri berkata gaji menteri perlu secukup dengan peranan dan tanggungjawab mereka yang meliputi seluruh negara, dan gaji yang dibayar sekarang jauh lebih rendah herbanding gaji eksekutif tinggi sektor swasta.

+Saya tidak nampak macam mana boleh dikatakan cadangan bayaran itu lebih tinggi daripada yang lain. Ada menteri memegang dua atau tiga jawatan tetapi dibayar gaji satu jawatan sahaja.

Juga ada menteri yang umurnya lebih daripada 65 tidak dibayar pencen apa-apa pun sedangkan orang lain dapat dua pencen bila mencapai umur 65, + katanya ketika ditanya pemberita mengenai isu itu di Lapangan Terbang Antarabangsa di Subang dekat sini sekembalinya ke tanah air selepas lawatan ke Jepun dan Korea Selatan.

Semua anggota Parlimen termasuk Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen akan menerima kenaikan gaji di antara 60 hingga 100 peratus. -- lagi

▼29/12/21-44MST

CNS3818

R GB 29-12 00232 BH766

bah

Mahathir - Gaji 2 Kuala Lumpur

Menurut pindaan Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 yang dibentang 20 Dis lalu kenaikan itu meliputi kenaikan gaji sebanyak lapan peratus dan jika diluluskan ia akan berkuatkuasa dari 1 Jan... .

Datuk Seri Dr Mahathir berkata sudah banyak kali sepatutnya gaji menteri dinaikkan tetapi kerajaan tidak berbuat demikian malahan gaji mereka dipotong lebih daripada 10 peratus selama 10 tahun.

Beliau berkata, seperti orang lain, mereka juga dimestikan membayar cukai.

Katanya, walaupun menteri juga mendapat imbuhan tertentu tetapi berbanding dengan imbuhan yang diberi oleh pihak swasta, ia jauh lebih rendah.

+Ada imbuhan yang dibayar kepada pegawai swasta yang jika dijumlahkan mencapai kira-kira satu juta ringgit setahun. Perdana Menteri pun tidak dapat sebanyak itu, + tambah beliau. -- lagi

▼29/12/21-47MST

CNS3820

R GB 29-12 00132 BH767

ban

Mahathir - Gaji 3 (akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata, +menteri dikutuk kononnya terlibat dengan perniagaan. Saya hendak tahu yang mana menteri yang terlibat dengan perniagaan. Kalau ada dia kena berhenti. +

Menqenai kenaikan gaji pegawai tinggi kerajaan pula, beliau berkata ramai pegawai tinggi akan berhenti daripada kerajaan jika gaji yang dibayar tidak setanding dengan yang diberikan oleh pihak swasta.

Sebagai contoh, katanya, gaji jurutera kerajaan sebenarnya cuma separuh daripada gaji yang dibayar oleh swasta.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata gaji pegawai tertinggi kerajaan tidak tinggi berbanding dengan swasta termasuk perbadanan milik kerajaan.

+Ada perbadanan milik kerajaan di mana gaji eksekutif tertingginya lebih daripada \$25,000 sebulan tidak termasuk lain-lain imbuhan sedangkan pegawai kerajaan dibayar jauh lebih rendah, + tambah beliau. -- Bernama